

16 AUG 2002

Mahathir-sekolah

SEKOLAH WAWASAN MAMPU PUPUK PERPADUAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penubuhan Sekolah Wawasan akan diperluaskan kerana konsep itu dapat memupuk semangat perpaduan kaum di negara ini.

Bercakap pada sidang berita sempena lawatan seharinya ke Terengganu, Perdana Menteri berharap Sekolah Wawasan diterima sepenuhnya oleh masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Mengikut konsep Sekolah Wawasan, sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil ditempatkan di kompleks yang sama dengan berkongsi kemudahan seperti padang permainan dan kantin.

"Kita akan cuba (perluaskan Sekolah Wawasan)...supaya dalam masa yang sama kita dapat rapatkan kanak-kanak daripada kaum-kaum yang berbeza," kata Dr Mahathir.

Menurutnya usaha terbaik untuk merapatkan kanak-kanak pelbagai kaum serta menggalakkan interaksi di kalangan mereka ialah dengan memastikan semua pelajar menuntut di sekolah kebangsaan.

"Tetapi kita dapati ramai (ibu bapa dan pelajar) tidak berminat kerana sekolah kebangsaan sekarang ini (didakwa) mempunyai banyak politik...nak mengasingkan kaum, umpamanya kononnya orang Islam tak boleh bercampur dengan orang bukan Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata disebabkan masalah itu maka orang bukan Islam tidak berminat belajar di sekolah kebangsaan.

Semalam, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata penubuhan Sekolah Wawasan adalah jalan terbaik bagi menangani isu pemisahan kaum di sekolah tetapi hasrat itu terbantut kerana ditentang oleh sesetengah pihak.

Ditanya mengenai pertemuan lima pemimpin kanan parti Barisan Nasional yang mewakili kepentingan kaum Cina berhubung isu pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, yang dikatakan akan berlangsung hari ini, Perdana Menteri berkata: "Dia nak adakan bersendirian. Kita akan tunggu dan dengar".

Menurutnya BN belum berbincang mengenai perkara itu.

Sebuah akhbar nasional hari ini melaporkan MCA, Gerakan, LDP, SUPP dan SAPP akan mengadakan pertemuan itu di pejabat Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di Putrajaya.

Terdahulu, berucap merasmikan konvensyen BN Terengganu, Dr Mahathir berkata Pas dan pertubuhan Cina, Dong Jiao Zong, telah bersepakat untuk menentang usaha kerajaan mempertingkatkan ilmu pengetahuan di kalangan orang Melayu.

"Kita tak boleh sokong orang ini. Pas nak supaya orang Melayu terus bodoh dan boleh diperalatkan oleh mereka melalui fitnah yang dilemparkan," katanya.

Menurutnya Pas tidak suka orang Melayu berilmu pengetahuan kerana orang Melayu yang cerdik pandai akan tahu helah Pas dan menolak parti itu.

Ditanya peluang BN untuk menawan semula Terengganu daripada Pas pada pilihan raya akan datang, Perdana Menteri berkata peluang adalah cerah.

"Saya berpendapat sokongan adalah kuat, berbeza dengan 1999 (semasa pilihan raya umum lepas)," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

RAR SN MAI